KPYPJ
JOHOR EDUCATION GROUP FOUNDATION

BULETIN INTEGRITI

SIRI 1

TAHUN 2023

TERBITAN

UNIT INTEGRITI KPYPJ

ISI KANDUNGAN

SIDANG REDAKSI	3
PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF	4
SEPATAH KATA, SEULAS BICARA PENGURUS BESAR	6
SEKAPUR SIRIH KETUA EDITOR	7
INTEGRITI KERJA DARI PERSPEKTIF ISLAM	8
REFLEKSI DIRI DI SUDUT INTEGRITI	11
SOAL-JAWAB BERKAITAN SEKSYEN 17A AKTA SPRM	16
SEKSYEN 18 AKTA SPRM	21
SEKSYEN 23 AKTA SPRM	24
AKTIVITI IGU KPYPJ 2019-2022	27
SANTAI INTEGRITI	32
KURSUS PENGUKUHAN INTEGRITI & IKRAR BEBAS RASUAH	33
PROGRAM BICARA INTEGRITI: "BUDAYA KERJA BERINTEGRITI, CEMERLANG ORGANISASI"	35 37
KURSUS PENILAIAN RISIKO RASUAH	39
BENGKEL SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH / ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS)	41
CABARAN INTEGRITI DALAM KEPIMPINAN	44
GURINDAM INTEGRITI	45
MUTIARA KATA	46
KARYA TERBAIK	47
SALURAN MAKLUMAT	

SIDANG REDAKSI

PENAUNG
Tuan Hj. Abu Bakar bin Mohamed Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif

PENASIHAT
En. Husaini bin Mohklas @ Hashim
Pengurus Besar

KETUA EDITOR/PENGARANG
Puan Norle binti Hj. Mohamed Kamsan
Ketua Unit Integriti (CeIO)

EDITOR
En. Firdaus bin Hj. Zainal Abidin

PENYUMBANG KARYA
Dr. Nor Aishah Abdul Aziz
Pn. Norhaida bin Ahmad

PENYUMBANG BAHAN
Norazlina Mohsin @ Mohsen

FOTOGRAFI & REKABENTUK
Ali Zulkarnain bin Abd Karim

SUMBANGAN KARYA

Unit Integriti amat mengalu-alukan sebarang sumbangan karya bertema integriti (rencana, artikel, berita, cerpen, sajak dan lain-lain) untuk dikongsi bersama pembaca Buletin Integriti.

Hantarkan karya anda ke: ***integriti@kpypj.edu.my***

Perutusan
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

HAJI ABU BAKAR BIN MOHAMED SALLEH

Ketua Pegawai Eksekutif

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Integriti adalah merujuk kepada himpunan kualiti unggul yang wujud dalam kalangan individu dan berteraskan kepada prinsip berpegang teguh kepada kejujuran serta amalan bermoral tinggi. Integriti adalah merupakan elemen yang wajib ada pada seluruh warga kerja Kumpulan Pendidikan YPJ. "Integriti Di Hatiku" telah dipilih sebagai tema Buletin Integriti yang julung-julung kali dibuat bertujuan untuk menggambarkan bahawa pentingnya peranan hati yang bersih kepada perlakuan kita sehari-hari.

Korelasi di antara integriti dan hati tidak dapat kita pisahkan. Integriti kukuh yang seharusnya kita bina mesti selari dengan hati yang baik lagi murni. Sehubungan dengan itu, kita sebagai Warga KPYPJ, sangatlah wajar menunjukkan sahsiah yang terbaik di dalam segenap aspek pekerjaan mahupun kehidupan seharian selari dengan moto kita **"Akademik Cemerlang, Sahsiah Terpuji".**

Akhir kata, saya mengambil peluang ini untuk sama-sama mengingatkan kita semua agar sentiasa menjadikan integriti sebagai asas dan pegangan dalam apa jua perkara yang kita lakukan. Agenda integriti perlu dihayati dan dilaksanakan oleh semua pihak tanpa mengira umur, agama, bangsa, pangkat dan jawatan yang disandang. Semoga perkongsian ilmu melalui buletin ini dapat memperkukuh amalan integriti dalam kalangan 'Keluarga Besar Kumpulan Pendidikan YPJ'.

Sekian, terima kasih.

HAJI ABU BAKAR BIN MOHAMED SALLEH
Ketua Pegawai Eksekutif

Sepatah Kata, Seulas Bicara

PENGURUS BESAR

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih saya ucapkan kepada semua warga KPYPJ yang telah bekerjasama, berganding bahu dan berusaha keras untuk mencipta kecemerlangan KPYPJ. Sebagai warga kerja KPYPJ kita perlu akur dan patuh pada semua arahan, peraturan dan pekeliling perkhidmatan sebagai punca kuasa dalam menjalankan tugas, serta memastikan tahap integriti diri yang tinggi semasa melaksanakan tugasan yang diamanahkan.

Saya merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Unit Integriti amnya dan Sidang Redaksi Buletin Integriti khususnya yang telah memberikan komitmen yang jitu sehingga terhasilnya buletin ini. Diharapkan buletin ini akan menjadi satu wadah perkongsian dan hebahan maklumat buat seluruh warga KPYPJ dan masyarakat luar. Matlamat seluruh warga KPYPJ ialah untuk melaksanakan kerja secara profesional, berintegriti dan bebas rasuah.

Adalah menjadi harapan saya agar semua warga KPYPJ berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai KPI yang telah ditetapkan dalam semua bidang masing-masing. Kita semua perlu menggemblengkan segala usaha dan tenaga untuk merealisasikan sasaran ini.

Akhir kata, saya berharap buletin ini menjadi laman bermaklumat yang boleh menjadi satu wadah perkongsian maklumat kepada warga kerja dan komuniti dalam melaksanakan tugasan dengan lebih berintegriti.

Sekian, terima kasih.

HUSAINI BIN MOHKLAS @ HASHIM

Pengurus Besar

Sekapur Sirih

KETUA EDITOR

NORLE BINTI HJ MOHAMED KAMSAN

Ketua Unit Integriti KPYPJ (CeIO)

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdullilah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana telah dapat merealisasikan e-buletin integriti untuk tatapan semua warga KPYPJ dan rakan maya lainnya. Selain daripada bertujuan untuk menjadi bahan bacaan dan perkongsian informasi, buletin ini juga merupakan satu catatan maya secara bertulis dan bergambar.

Terbitan e-buletin ini diharapkan dapat menjadi salah satu wadah dalam mempelbagaikan pilihan bacaan kepada warga KPYPJ. Di samping itu, ini dapat memberikan ruang kepada warga kerja KPYPJ berkongsi pandangan dan karya tentang integriti dan amalan nilai-nilai murni.

KPYPJ sentiasa komited dalam menyemarakkan budaya ilmu dan sentiasa menyemai amalan nilai-nilai murni serta budaya kerja berintegriti dalam kalangan warga kerjanya. Kepada penyumbang berita dan maklumat, saya ucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan di atas komitmen dan kerjasama anda.

Selamat membaca dan bertemu lagi di keluaran yang akan datang.

"AKADEMIK CEMERLANG SAHSIAH TERPUJI"

INTEGRITI KERJA DARI PERSPEKTIF ISLAM

Integriti merupakan satu perkataan yang sinonim dan biasa kita dengar saban hari. Maksud Integriti mengikut Kamus Dewan edisi Keempat ialah kejujuran; keadaan sempurna dan utuh, mempunyai atau menunjukkan komitmen terhadap sesuatu. Integriti juga ditakrifkan sebagai kesedaran, penghayatan dan pegangan teguh kepada nilai-nilai murni secara konsisten.

Dalam Islam, Integriti merupakan satu perkara yang sangat penting terutamanya Integriti dalam pekerjaan. Al-Syahid Imam Hasan al-Banna berkata : "Islam menggalakkan manusia bekerja dan mencari rezeki. Malah Islam menetapkan orang yang berkemampuan wajib bekerja. Islam amat memuji pekerja-pekerja yang mahir lagi professional. Islam juga mengharamkan manusia meminta-minta.

Bertawakal kepada Allah swt adalah dengan cara melakukan sesuatu dan yang boleh mendatangkan hasil. Jika salah satu perkara ini tidak dilakukan, ia bukanlah tawakal. Rezeki yang ditentukan dikaitkan dengan usaha yang berterusan.

Allah swt berfirman dalam surah at-Taubah ayat 105 yang bermaksud :

" Dan katakanlah (wahai Muhammad): Bekerjalah kamu, maka Allah akan melihat pekerjaanmu, begitu juga Rasul-Nya dan orang-orang mukmin, dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang mengetahui yang ghaib dan nyata. Lalu diberitakan-Nya kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan."

Manusia diciptakan oleh Allah S.W.T dengan unsur kerohanian dan fizikal yang merupakan potensi bagi membolehkan manusia mengurus tadbir dunia berbanding makhluk Allah S.W.T yang lain. Proses pemantapan fungsi manusia akan menjadi sempurna apabila kedua-dua unsur tersebut berkembang secara sepadu dan seimbang. Unsur kerohanian adalah unsur abstrak yang terdiri dari roh, akal dan nafsu yang perlu dididik dengan nilai-nilai yang bersifat kerohanian yang memerlukan mekanisme pemantauan yang dikenali sebagai muhasabah diri. Tanpa didikan dan kawalan akan menyebabkan nafsu menguasai tindakan individu dan seringkali juga akal tidak dapat melaksanakan fungsinya yang sebenar. Apabila situasi ini berlaku akan mendorong individu melakukan sesuatu yang bertentangan dengan norma kehidupan, peraturan dan undang-undang.

Dalam konteks pengurusan dan tadbir urus organisasi, pembudayaan integriti memerlukan kefahaman dan kesedaran bahawa etika tersebut mesti diamalkan dan pengabaiannya akan membawa kerosakan bukan sahaja kepada diri sendiri tetapi juga kepada orang lain dan organisasi. Integriti dapat dipupuk dan dimantapkan melalui peringatan bahawa tugas adalah amanah, tindak tanduk individu dipantau melalui konsep ihsan, konsep pengetahuan dan penyaksian Allah S.W.T tidak ada batasan waktu dan tempat. Manakala konsep-konsep lain yang berteraskan nilai ajaran Islam yang akan menambah kekuatan dalaman seorang pekerja untuk menghadapi tugas yang semakin mencabar.

KESEDARAN

Justeru, bagi memastikan perlaksanaan integriti dalam diri setiap manusia tidak kira sama ada pemimpin negara, ahli politik, pegawai atasan mahupun staf bawahan, ia memerlukan kesedaran awal dalam setiap diri masing-masing. Sudah tentu, kesedaran itu timbul daripada kesucian dan ketulusan hati termasuk jiwa yang berlandaskan kepada keutuhan akhlak dan budi pekerti sempurna.

Tambahan lagi, selain daripada penguatkuasaan undang-undang kepada si pelaku melalui hukuman-hukuman tertentu, persekitaran tempat kerja juga memainkan peranan agar penghayatan penuh terhadap integriti itu dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

TUNAIKAN tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh integriti agar rezeki yang kita peroleh mendapat keberkatan daripada ALLAH SWT.

Selain bersikap ikhlas dan jujur dalam melaksanakan sesuatu kerja, kita digalakkan sentiasa bersikap benar dalam setiap aspek agar dapat mendorong diri untuk sentiasa ikhlas dalam melakukan sebarang tindakan. Namun, kebenaran itu merupakan satu sifat yang sangat sukar untuk diperlihatkan dalam kalangan pekerja itu sendiri pada zaman teknologi kini yang mana kebanyakan manusia mementingkan harta, pangkat, kedudukan dan kuasa.

Maka, kita perlu sentiasa bersifat benar dalam semua perkara sebagaimana Saidina Ali bin Abi Talib meriwayatkan hadis daripada Rasulullah SAW: **"Sesungguhnya benar itu adalah ketenangan dan dusta itu adalah keresahan."**

Selain bersikap ikhlas dan jujur dalam melaksanakan sesuatu kerja, kita digalakkan sentiasa bersikap benar dalam setiap aspek agar dapat mendorong diri untuk sentiasa ikhlas dalam melakukan sebarang tindakan. Namun, kebenaran itu merupakan satu sifat yang sangat sukar untuk diperlihatkan dalam kalangan pekerja itu sendiri pada zaman teknologi kini yang mana kebanyakan manusia mementingkan harta, pangkat, kedudukan dan kuasa.

Maka, kita perlu sentiasa bersifat benar dalam semua perkara sebagaimana Saidina Ali bin Abi Talib meriwayatkan hadis daripada Rasulullah SAW: "Sesungguhnya benar itu adalah ketenangan dan dusta itu adalah keresahan."

Sesiapa yang sentiasa bercakap benar, pastinya segala kerja yang dilakukan akan berada dalam keadaan tenang. Sebagai tanggungjawab sesama manusia, kita hendaklah saling ingat mengingati antara satu sama lain sekiranya ada kesilapan dan kesalahan yang dilakukan di tempat kerja.

Janganlah kita mementingkan diri sendiri dengan tidak menegur seandainya kita mengetahui rakan kita melakukan kesalahan. Begitu juga sebaliknya apabila mendapat teguran atas kesilapan yang kita lakukan sewaktu bekerja. Dengan itu, kita akan sentiasa peka atas setiap apa yang kita lakukan dalam memastikan integriti dapat dipraktikkan dengan sebaiknya.

Oleh itu, marilah kita bekerja dan menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh integriti agar rezeki yang kita peroleh itu mendapat keberkatan daripada ALLAH SWT. Imam al-Nawawi ada menyatakan bahawa jika seseorang itu sering melakukan amal sama ada baik ataupun buruk, pasti ia akan dilihat oleh orang ramai walaupun dia cuba menyembunyikannya. Ia adalah kerana individu tersebut akan dilabel berdasarkan perlakuan yang dilakukannya itu.

Sehubungan itu, kita haruslah ingat bahawa setiap perlakuan kita sentiasa diperhatikan oleh ALLAH SWT setiap saat. Bekerjalah dengan sebaiknya dan pastikan kita berintegriti dalam setiap langkah dan gerak-geri kita.

Dalam pada itu juga, bersama-sama kita memastikan supaya setiap daripada kita mempunyai akhlak yang baik bagi melahirkan individu yang ikhlas dan amanah.
Apabila sifat mulia itu mampu dimiliki oleh setiap manusia tidak kira dalam bidang pekerjaan atau dalam kehidupan seharian, maka sudah pasti ia akan melahirkan masyarakat dan negara yang terus maju.

Oleh: ***Norle Mohamed Kamsan***

Rujukan:

i. *Luqman bin Mahadi, MOA - Integriti Kerja Dari Perspektif Islam*
ii. *Rafiuddin Mohd Yusof , Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan, Unit Hal Ehwal Islam, Universiti Teknologi Mara Kampus Segamat - Semai integriti dalam setiap pekerjaan*

REFLEKSI DIRI DI SUDUT INTEGRITI

Sesungguhnya manusia tidak akan terlepas dari 3 jenis waktu:

- Waktu yang telah berlalu dan tidak akan kembali.
- Waktu ketika saat kita sedang berada di dalamnya, senafas ia mula meninggalkan kita.
- Waktu yang akan datang dan tidak diketahui adakah kita akan bersua dan sempat melaluinya.

Tahun 2022 telah pun melabuh tirainya. Kenangan yang lepas dijadikan suatu memori yang indah tatkala di waktu senang mahupun susah yang harus diharungi sepanjang tahun demi merealisasikan azam dan matlamat dalam kehidupan. Usia dan kematangan manusia juga berubah sesuai mengikut pada putaran masa. Segala manfaat yang diberikan hendaklah dihargai dan dihayati sepenuhnya tanpa melupakan matlamat, agenda mahupun cita-cita yang inign dicapai sebagai seorang khalifah di bumi ini. Persoalannya adakah masa dan ruang yang diberikan dimanfaatkan sepenuhnya sebagai insan yang dipanggil khalifah? Atau hanya sekadar menjalani kehidupan seperti kelaziman tanpa apa-apa perubahan? Tepuk dada tanyalah diri.

REFLEKSI TERHADAP DIRI

"Refleksi adalah merupakan satu proses untuk mengingat kembali apa yang telah berlaku dan menyatakan perasaan sendiri terhadap peristiwa tersebut serta akhirnya memberi pendapat apa yang perlu dilakukan". Menurut Dewey (1993) menyatakan bahawa refleksi adalah proses mengimbas kembali sesuatu peristiwa yang pernah dilalui dan memberikan pertimbangan yang serius dan teliti terhadap peristiwa tersebut. Amalan refleksi terhadap diri merupakan amalan praktikal dan individu yang menggunakan pemikiran refleksi akan sentiasa aktif memikirkan masalah yang dihadapi untuk mencari penyelesaian dan sanggup mengorbankan masa dan tenaga bagi memastikan masalah yang dihadapi dapat di atasi. Di samping itu, amalan refleksi juga akan menjadikan seseorang individu bersifat terbuka apabila proses penyelesaian membabitkan pandangan dari luar yang berpotensi untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

"Manfaatkan lima perkara sebelum lima perkara: - *H.R Al-Hakim*"

- Waktu mudamu sebelum datang waktu tuamu
- Waktu sihatmu sebelum datang waktu sakitmu
- Masa kayamu sebelum datang masa kefakiranmu
- Masa luangmu sebelum datang masa sibukmu
- Hidupmu sebelum datang kematianmu



KEMAHIRAN BERFIKIR DAN PENYELESAIAN MASALAH

Adakah amalan seharian kita sudah cukup menjadikan kita sebagai khalifah yang hidup di bumi ini berteraskan integriti dan memiliki jati diri sebagai insan luar biasa? Adakah amalan seharian ibadah kita sebagai khalifah di bumi ini dapat diterjemahkan dalam bentuk integriti dan jati diri? Jika dilihat dari segi kehidupan, manusia pernah merasai jatuh bangun mahupun gagal dan berjaya. Namun setiap kejayaan akan bertukar menjadi kegagalan sekiranya pendirian tidak berpijak di bumi yang nyata. Jadi bagaimana untuk mencapai kebijaksanaan? Oleh yang demikian, setiap khalifah perlu menjadikan refleksi itu sebagai tahap yang terpenting, pembatasan diri yang cukup mudah dilaksanakan dan mengubah pengalaman yang sukar dalam hidup kepada kehidupan yang lebih baik.



"Orang yang pandai adalah orang yang ***mengintrospeksi*** dirinya dan beramal untuk setelah kematian, sedang orang yang lemah adalah orang yang jiwanya selalu tunduk pada nafsunya dan mengharap pada Allah dengan pelbagai angan-angan."

- Sabda Nabi SAW daripada Anas bin Malik (H.R Ahmad dan Tirmidzi).

*Introspeksi diri adalah berpikir serius dan cermat atau merenungkan tentang karakter, perilaku, emosi, dan motif yang ada pada diri Anda sendiri. Saat melakukan introspeksi, Anda akan melihat ke belakang mengenai hal-hal yang Anda lakukan pada masa lalu, yang merefleksikan hidup Anda hingga saat ini.

REFLEKSI SIFAT INTEGRITI

Setelah proses refleksi dilaksanakan, seseorang khalifah akan berusaha dan bersedia menghadapi cabaran dengan muhasabah diri dan ingin mencapai matlamat yang diimpikan. Betapa insan berintegriti mempunyai jiwa yang besar dengan menjadikan amalan refleksi diri sebagai suatu bentuk proses perubahan positif dalam menjalani kehidupan seharian. Tindakan inilah yang akan menghasilkan kejayaan untuk proses refleksi tersebut melalui penetapan matlamat bahawa anda akan mencuba untuk meningkatkan hasil tindakan anda.

"Ketahuilah bahawa musuhmu yang paling berbahaya adalah jiwa yang berada dalam dirimu, ia memiliki nafsu ammarah bissuu' (condong pada kejahatan). Engkau diperintahkan untuk meluruskan, membersihkan, dan memutusnya daripada pelbagai pengaruh negatif serta mengarahkannya dengan rantai kekuatan untuk beribadah pada tuhannya. Jika engkau leka, maka ia akan terlepas tanpa kendali dan engkau tidak mendapat keberuntungan setelah itu. Kalau engkau sentiasa mengingatkannya maka kami mengharapkan jiwa tersebut akan menjadi tenang. Kerana itu jangan engkau lalai untuk mengingatkannya".

- Ibnu Qudamah (Minhaj Al- Qashidin).

MANFAAT REFLEKSI DIRI

Refleksi Diri definisikan sebagai membantu diri mengembangkan dan mengkaji skil yang dimiliki, membantu dalam memutuskan hal baik dalam hidup, mengetahui sejauh mana tujuan yang ingin dicapai dan meminimumkan kesalahan yang telah dilakukan di masa lampau. Apakah manfaat yang diperolehi dari Refleksi Diri? Maka dengan adanya refleksi diri ini, seseorang itu dapat mengurangi stress dan lebih memahami diri sendiri, memiliki banyak pandangan baru dan mengambil pembelajaran dari semua hal yang terjadi dalam kehidupan, memahami tujuan bagi membantu seseorang untuk lebih fokus mencari kaedah untuk mencapainya, mudah dalam membuat sebarang keputusan dalam menentukan pilihan dan dapat membangun hubungan baik yang lebih positif dengan kecerdasan emosi semakin tinggi. Tanpa refleksi, integriti hanya seperti "gelas yang airnya separuh diisi", "ibarat masak malam, pagi masih mentah". Jika benar sebuah rumah teguh disebabkan tiang serinya, maka benarlah integriti manusia itu sempurna disebabkan amalan refleksinya.

MASA UNTUK BERUBAH

Semua manusia dilahirkan di dunia ini diberikan pelbagai ujian dan cabaran untuk ditempuhi. Tuhan Yang Maha Esa ingin melihat sejauh mana kita mampu belajar daripada ujian itu dan mampu dimanfaatkan kepada manusia di sekelilingnya. Jangan beranggapan proses refleksi hanya menemui kegagalan sahaja kerana setiap manusia memerlukan proses ini seperti mana mereka memerlukan keperluan asas mereka. Untuk tahun 2023 dan tahun mendatang diharapkan ada sinar baharu dengan menjadikan amalan refleksi ini dapat melahirkan seorang khalifah yang berkualiti dengan menggunakan akal, ilmu dan pengetahuan serta kritis dalam membuat keputusan.

Oleh: ***Firdaus bin Hj Zainal Abidin***

Rujukan:

i. *Qu Bisa (2022) – Apa itu Refleks Diri dan Manfaatnya*
ii. *Muhammad Ariff Aizuddin Bin Abdullah (2017) – Refleksi Diri : Cerminan Integriti*

SOAL-JAWAB BERKAITAN SEKSYEN 17A AKTA SPRM 2009 – LIABILITI KORPORAT

1 APA YANG DIMAKSUDKAN DENGAN *'LIABILITI KORPORAT'*?

- 'Liabiliti Korporat' adalah merujuk kepada Seksyen 17A SPRM 2009 – kesalahan oleh organisasi komersial. Peruntukan ini mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2020.
- Berdasarkan peruntukan ini, organisasi komersial boleh didakwa dan dihukum sekiranya membenarkan pegawai/kakitangan mereka melakukan rasuah untuk memperoleh sesuatu projek atau mendapat apa-apa faedah bagi organisasi komersial itu.
- Seksyen 17A Akta SPRM meletakkan beban pencegahan rasuah ke atas organisasi komersial dan pengurusannya. Kegagalan untuk mencegah rasuah boleh didakwa dan dihukum di bawah peruntukan ini.

2 ADAKAH KESALAHAN *'LIABILITI KORPORAT'* YANG DILAKUKAN SEBELUM 1 JUN 2020 BOLEH DIDAKWA DI BAWAH SEKSYEN 17A AKTA SPRM 2009?

- Pendakwaan bagi kesalahan ini boleh dibuat bagi kesalahan yang berlaku selepas peruntukan undang-undang dikuatkuasakan (1 Jun 2020).

3 SAYA KURANG JELAS, BOLEH BERIKAN CONTOH BAGAIMANA KESALAHAN INI BOLEH BERLAKU?

i) Kesalahan ini hanya melibatkan **perbuatan menawar, menjanjikan atau memberi suapan.**

ii) **Kesalahan berlaku** apabila:

- Seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersial.
- Memberikan / bersetuju untuk memberikan / menjanjikan / menawarkan suapan **(rasuah).**
- Rasuah bertujuan:

  a. Untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan bagi organisasi komersial itu; atau

  b. Untuk memperoleh atau mengekalkan faedah dalam menjalankan perniagaan bagi organisasi komersial itu.

4 APAKAH JENIS ORGANISASI YANG BOLEH DIDAKWA KERANA KESALAHAN RASUAH?

Secara mudahnya, terdapat 4 kategori organisasi yang termasuk dalam definisi 'organisasi komersial' iaitu:

a. Organisasi yang diperbadankan di bawah **Akta Syarikat 2016**
(contoh: Syarikat ABC Sdn. Bhd, Syarikat DDD Berhad)

b. Perniagaan yang ditubuhkan di bawah **Akta Perkongsian 1961**
Perniagaan yang mempunyai 2-20 orang pemilik
(contoh: Firma perakaunan, firma guaman)

c. Perniagaan yang ditubuhkan di bawah **Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012**
Alternatif kepada perniagaan perkongsian. Kelebihan penubuhan di bawah akta ini adalah daripada segi liabiliti (hutang). Apa-apa hutang perniagaan akan ditanggung sepenuhnya oleh aset-aset perniagaan dan berbeza dengan perkongsian konvesional (ditubuhkan di bawah Akta Perkongsian 1961), rakan kongsi mempunyai tanggungan liabiliti atau hutang-hutang secara bersama.

d. Syarikat atau perniagaan **luar negara** yang menjalankan perniagaan di Malaysia
(Contoh: syarikat antarabangsa atau multi-national company) – mempunyai cawangan atau anak syarikat di Malaysia.

5 APAKAH DIMAKSUDKAN DENGAN 'ORANG YANG BERSEKUTU DENGAN ORGANISASI KOMERSIAL'?

- Berlaku apabila 'seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersial' menawar atau memberi rasuah yang memberi faedah kepada perniagaannya.

- Definisi 'seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersial' sebagai:

    a. Pengarah, rakan kongsi atau pekerja kepada organisasi komersial

    b. Individu yang melaksanakan tugas bagi pihak organisasi komersial berkenaan. Contoh: perunding/konsultan dan orang tengah. Dengan kata lain, perbuatan menawar/memberi/bersetuju untuk memberi rasuah oleh individu di atas boleh menyebabkan organisasi mereka didakwa.

6 MENGAPA UNDANG-UNDANG INI WUJUD?

- Tujuan utama peruntukan ini adalah:

    a. Mewujudkan persekitaran perniagaan yang adil, bersih dan bebas rasuah.

    b. Menggalakkan organisasi komersial melaksanakan usaha pencegahan rasuah dalam organisasi.

    c. Mempromosikan tadbir urus baik dan pematuhan undang-undang pencegahan rasuah.

7 ADAKAH ADA NEGARA LAIN YANG MEMPUNYAI PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN KESALAHAN RASUAH OLEH ORGANISASI KOMERSIAL?

Peruntukan ini bukan sesuatu yang baharu. Banyak negara telah mempunyai peruntukan yang boleh mendakwa organisasi komersial kerana perbuatan rasuah.

Berikut adalah antara undang-undang di luar negara yang mempunyai peruntukan ini (kesalahan rasuah oleh organisasi komersial):

- United Kingdom - UK Bribery Act 2010
- Amerika Syarikat - The Foreign Corrupt Practices Act 1977
- Brazil - Federal Law No. 12,846/2013
- Kanada - Criminal Code & Corruption of Foreign Public Officials Act
- Australia - Criminal Code Act 1995

8 SEKIRANYA ORGANISASI / SYARIKAT YANG DIMILIKI KEMENTERIAN, JABATAN ATAU NGO, ADAKAH TERTAKLUK KEPADA SEKSYEN 17A AKTA SPRM 2009?

- Sekiranya termasuk dalam mana-mana kategori di bawah Seksyen 17A (8) Akta SPRM 2009, Organisasi/Syarikat yang dimiliki Kementerian, Jabatan atau NGO berkenaan adalah tertakluk kepada kesalahan ini.
- Contoh: Sekiranya organisasi/syarikat berkenaan diperbadankan/ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016, Akta Perkongsian 1961 atau Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, ia tertakluk.
- Kementerian/jabatan/agensi kerajaan tidak tertakluk kepada peruntukan ini sesuai dengan penjelasan Sekysen 17A Akta SPRM 2009 iaitu 'kesalahan oleh organisasi komersial', kesalahan ini diperuntukkan khas kepada organisasi korporat. Selain itu, peruntukan ini juga dikenali dengan nama 'liabiliti korporat'.

9 BAGAIMANA SESEBUAH ORGANISASI KOMERSIAL BOLEH MENGELAKKAN DARIPADA DIDAKWA KERANA KESALAHAN INI?

- Organisasi komersial mesti melaksanakan usaha-usaha bagi memastikan rasuah tidak berlaku dalam urus niaga perniagaan. Usaha-usaha ini mesti mencukupi dengan mengambil kira saiz organisasi, jenis perniagaan dan tahap risiko rasuah yang dihadapi oleh organisasi terbabit.

- Kerajaan telah mengeluarkan Garis Panduan Tatacara Mencukupi seperti yang dikehendaki sebagai rujukan kepada organisasi komersial dan boleh dimuat turut di laman web giacc.jpm.gov.my.

10 BAGAIMANA SYARIKAT HENDAK MERUJUK KEPADA GARIS PANDUAN TATACARA PENCEGAHAN RASUAH TERSEBUT?

Garis panduan ini boleh dimuat turut di laman web giacc.jpm.gov.my.

11 SYARIKAT SUDAH MEMPUNYAI LANGKAH PENCEGAHAN SEPERTI ABMS DAN CORPORATE INTEGRITY PLEDGE (CIP), ADAKAH SYARIKAT MASIH BOLEH DIDAKWA DI BAWAH SEKSYEN 17A AKTA SPRM 2009?

- Pematuhan kepada ABMS dan CIP bukan jaminan bahawa tatacara pencegahan rasuah adalah mencukupi bagi sesebuah organisasi komersial.

- Perkara penting adalah organisasi komersial dapat menunjukkan kepada mahkamah bahawa prosedur dan amalan dalam mencegah rasuah adalah efektif dan bukan hanya di atas kertas sahaja.

Rujukan:
Portal Rasmi SPRM

Seksyen 18 Akta SPRM 2009 (Pindaan 2018)

Memberi / menggunakan, dengan niat memperdayakan prinsipalnya, apa-apa resit, akaun atau dokumen lain yang prinsipalnya mempunyai kepentingan dan dia mempunyai sebab untuk mempercayai mengandungi apa-apa pernyataan yang palsu atau silap tentang apa-apa butir untuk mengelirukan prinsipalnya.

Tidak pelik jika dibuat carian 'tuntutan palsu' di enjin carian Google, kita pasti akan bertemu dengan ribuan berita dari pelbagai sumber yang memaparkan kisah salahlaku tuntutan palsu yang berlaku di negara ini. Ia seakan menjadi norma dalam masyarakat yang berlaku sejak dahulu sehingga kini. Dari sekecil-kecil jumlah hingga sebesar-besar jumlah wang yang diperolehi secara salah. Ironinya, masih ada yang menganggap membuat tuntutan palsu sebagai suatu kesalahan biasa yang tiada kaitan dengan rasuah.

Lebih mengejutkan apabila dapatan di dalam sebuah kaji selidik yang dijalankan ke atas sejumlah 1274 responden di sebuah institusi awam, 22.8 peratus daripada responden tersebut menganggap tuntutan palsu bukanlah suatu bentuk rasuah. Meskipun tidak semestinya mencerminkan keseluruhan anggota masyarakat, namun dapatan ini sedikit sebanyak memberi gambaran masih terdapat dalam kalangan ahli masyarakat tidak memahami tentang konsep dan definisi rasuah yang turut termasuk di dalamnya perbuatan tuntutan palsu yang sering berlaku tertutamanya di dalam agensi-agensi awam melibatkan penjawat awam.

Berdasarkan Akta Suruhanjaya Pilihanraya 2009 (Akta 694), **terdapat empat kesalahan rasuah** yang utama iaitu: **meminta/menerima rasuah [seksyen 16 & 17(a)], memberi suapan [seksyen 17(b)], mengemukakan tuntutan palsu [Seksyen 18] dan salah guna kuasa [Seksyen 23].** Keempat-empat kesalahan rasuah ini sekaligus menjadi definisi rasuah yang harus difahami oleh setiap pekerja. Definisi ini secara jelas mengklasifikasikan tuntutan paslu sebagai kesalahan rasuah yang perlu dielakkan oleh masyarakat. Tuntutan palsu boleh berlaku apabila seseorang mengemukakan tuntutan bayaran bagi sesuatu tugasan yang tidak dilaksanakan atau tidak dilaksanakan berdasarkan garispanduan atau spesifikasi yang ditetapkan.

Sebagai contoh, tuntutan perjalanan dibuat ke atas perjalanan yang tidak dilakukan. Dalam kes seperti ini, biasanya dokumen palsu seperti resit bayaran dan lain-lain akan digunakan sebagai dokumen sokongan. Contoh yang lain pula ialah apabila tuntutan palsu dibuat dengan sokongan dokumen palsu melalui perbuatan meminda dokumen perbelanjaan dengan meningkatkan kos di dalam dokumen berbanding kos sebenar yang digunakan. Kos yang dibelanjakan hanyalah RM5,000 contohnya tetapi tuntutan yang dibuat adalah RM10,000. Bayangkan jika tuntutan palsu ini berlaku tanpa kawalan, ketirisan dana syarikat akan menjadi parah. Wang yang sepatutnya diberikan untuk tujuan yang betul untuk dimanfaatkan oleh semua pekerja telah digunakan untuk kepentingan peribadi pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Janganlah diambil ringan atau dibiarkan perbuatan rasuah dan tuntutan palsu 'dinormalisasikan' dalam perkhidmatan/tugasan. Istilah-istilah seperti 'duit kopi', 'wang tepi', 'duit bawah meja' dan lain-lain tidak sepatutnya menjadi norma dalam sistem perkhidmatan kita. Benar, adalah mustahil untuk hapuskan rasuah secara total, namun kita boleh lakukan sesuatu untuk mengurangkan kadarnya.

Untuk lebih memahami Seksyen 18 ini, kita boleh melihat daripada contoh-contoh kes yang telah berlaku dan telah didakwa di mahkamah ke atas kesalahan membuat tuntutan palsu. Kesalahan boleh berlaku di setiap peringkat lapisan staf di sesuatu jabatan/bahagian di dalam sesebuah organisasi sama ada Pembantu Tadbir, Pegawai atau Eksekutif.

CONTOH KES 1

Setiausaha GLC Johor Direman Dua Hari Palsukan Dokumen

(Sinar Harian, 4 Oktober 2022)



JOHOR BAHRU: Seorang setiausaha sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di negeri ini ditahan reman dua hari bagi membantu siasatan kes memalsukan dokumen untuk mendapatkan kelulusan bayaran daripada pihak pengurusan syarikat itu, hujung tahun lalu.

Perintah reman terhadap suspek yang berusia 35 tahun itu dikeluarkan Majistret R Salini di Mahkamah Majistret di sini pada Selasa.

Lelaki terbabit dikenakan perintah reman bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Difahamkan, tertuduh menyediakan minit ahli lembaga pengarah palsu dengan tujuan mendapatkan kelulusan bayaran dividen pada kadar yang tinggi, bayaran elaun pengarah dan bayaran insentif kepada setiausaha syarikat serta pegawai akaun bagi pihak syarikat terbabit.

Selain itu, suspek juga mendapatkan tandatangan daripada bekas pengarahnya dengan tujuan mengelirukan pihak pengurusan GLC berkenaan agar permohonan semua bayaran tersebut diluluskan.

CONTOH KES 2

Didakwa Buat Tuntutan Palsu Kerja Lebih Masa

(Harian Metro, 29 Ogos 2022)



JOHOR BAHRU: Kakitangan Jabatan Laut Malaysia (JLM) Wilayah Selatan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini, atas dua pertuduhan membuat tuntutan palsu kerja lebih masa dan elaun perjalanan membabitkan jumlah RM670.51, dua tahun lalu.

Tertuduh, Hazreen Mohd, 40, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas kedua-dua pertuduhan itu dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Berdasarkan pertuduhan pertama, tertuduh yang bertugas sebagai Pembantu Laut Gred A22 (memangku) itu didakwa dengan niat memperdayakan majikannya dengan satu dokumen tuntutan bayaran lebih masa bagi April 2020 berjumlah RM359.41.

Manakala, bagi pertuduhan kedua, bapa kepada tiga anak itu didakwa melakukan perkara sama membabitkan Borang Tuntutan Elaun Perjalanan Dalam Negeri bagi April 2020 berjumlah RM311.10 untuk perjalanan tugasan rasmi ke rumah api antara 2 April 2020 hingga 30 April 2020.

Tertuduh didakwa percaya terdapat butiran matan palsu ketika membuat tuntutan lebih masa dan elaun perjalanan bagi Tugasan Penjagaan Rumah Api Bukit Segenting, Batu Pahat (Pemantauan Pembersihan dan Kawalan Keselamatan) sedangkan dia tidak melaksanakan tugasan itu sekali gus untuk mengelirukan majikannya.

Bagi perbuatan yang dilakukan di Pejabat Laut Batu Pahat pada Mei 2020 itu, tertuduh didakwa mengikut **Seksyen 18** Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(2) akta yang sama.

Tertuduh berdepan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai yang terbabit atau RM10,000, mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

CONTOH KES 3
Tiga Penjawat Awam Didakwa Kemuka Tuntutan Palsu, Salah Guna Kuasa
(Artikel Harian Metro, 15 Feb 2021)

KOTA KINABALU: Tiga penjawat awam agensi kerajaan Persekutuan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Khas Rasuah di sini, hari ini atas **pertuduhan mengemukakan tuntutan palsu dan salah guna kuasa memberikan kontrak kepada ahli keluarga.**

Tertuduh Panduan Paglin, 40, dan Erwan Roslan, 41, kakitangan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Sabah dituduh mengikut **Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 kerana membuat tuntutan resit hotel palsu di sini pada 2017.**

Seorang lagi tertuduh, Mohd Hizan Laliman, 40, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) Sabah dituduh **mengikut Seksyen 23 (1) Akta SPRM 2009 kerana salah guna kuasa memberikan kontrak kepada ahli keluarganya.**

Mengikut pertuduhan, Panduan dan Erwan masing-masing didakwa atas enam pertuduhan berkaitan tuntutan elaun perjalanan berdasarkan kepada enam bulan tuntutan membabitkan beberapa resit hotel palsu iaitu Panduan berjumlah RM3,443 manakala Erwan sebanyak RM2,938.

Mohd Hizan didakwa atas 11 pertuduhan memberikan beberapa kontrak pembekalan dan pembaikan peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta pembekalan makanan yang berjumlah keseluruhan melebihi RM36,000 kepada ahli keluarga dalam tempoh 2013 hingga 2015.

Oleh: ***Norle Mohamed Kamsan***

Rujukan:

i. *Dr Nisar Mohammad Ahmad Penyelaras Syariah, Seksyen Pematuhan Syariah SCIROSH - Tuntutan Palsu Adalah Suatu Bentuk Rasuah*
ii. *Sinar Harian, Utusan Malaysia dan Harian Metro*

CONTOH KES 4
Bekas Eksekutif Dipenjara, Denda
(Utusan, 11 Mac 2021)

Seorang bekas eksekutif Sumber Manusia dijatuhi hukuman penjara dua bulan dan denda RM79,900.75 oleh Mahkamah Sesyen Ipoh hari ini setelah mengaku bersalah atas lima pertuduhan mengemukakan dokumen palsu untuk menuntut gaji, empat tahun lalu.

Siti Aishah Mohamad Amir, 31, juga berdepan hukuman penjara 15 bulan sekiranya gagal membayar denda berkenaan.

Hukuman itu diputuskan setelah Siti Aishah mengaku bersalah atas kesemua pertuduhan di hadapan Hakim S. Indra Nehru.

Mengikut kertas pertuduhan, Siti Aishah yang bertugas di Hovid Berhad bersama seorang lagi yang telah dituduh, Mohd. Iqbal Fakhruddin Roslan, 31, dengan niat bersama memperdaya majikan dengan mengemukakan dokumen mengandungi butiran palsu.

Butiran itu adalah nombor akaun bank atas nama Siti Aishah bagi menuntut gaji pekerja yang telah berhenti berjumlah RM14,646.40. Kesalahan itu didakwa dilakukan di pejabat Hovid Berhad di Jalan Kuala Kangsar di Ipoh, antara 29 Jun 2018 hingga 29 Mac 2019.

Dia didakwa mengikut **Seksyen 18** Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum **di bawah Seksyen 24(2) akta sama.**

Bagi pertuduhan tersebut, wanita itu boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.
Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Nurul Wahida Jalaluddin manakala tertuduh diwakili peguam Mohammad Redzuan Mohamed Yusoff.

https://www.utusan.com.my/berita/2021/03/bekas-eksekutif-tuntut-gaji-palsu-dipenjara-denda/

Seksyen 23 Akta SPRM 2009 (Pindaan 2018)

Mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudara atau sekutunya.

Salah guna kuasa atau **penyalahgunaan kuasa** ialah suatu jenayah dalam bentuk **"salah laku di pejabat" atau "salah laku pegawai"**. Perbuatan ini dikategorikan sebagai **pelakuan perbuatan yang menyalahi undang-undang, dilakukan sambil menjawat jawatan rasmi, yang mempengaruhi keputusan ketika melakukan tugas-tugas yang diberi. Antara faktor salah guna kuasa adalah berkaitan rasuah, kepentingan diri, keluarga, dan juga kronisme.**

Untuk memahami seksyen ini, boleh dilihat daripada contoh-contoh kes yang telah berlaku dan telah dihadapkan ke mahkamah atas kesalahan salah guna kuasa seperti kes berikut:

CONTOH KES 1

Bekas Pengurus GLC ditahan bagi bantu siasatan kes salah guna kuasa

(Bernama Januari 10, 2022 21:52 MYT)

JOHOR BAHRU: Seorang bekas pengurus sebuah syarikat milik kerajaan (GLC) sekali lagi ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan kes penyalahgunaan kuasa melibatkan pemberian projek-projek kepada dua anaknya bernilai lebih RM50,000.

Menurut sumber, lelaki berumur 61 tahun yang sepatutnya dibebaskan daripada tahanan reman hari ini, ditahan semula di pejabat SPRM Johor bersama dua anak lelakinya masing-masing berumur 28 dan 34 tahun antara pukul 4 hingga 4.30 petang tadi selepas hadir memberikan keterangan.

Difahamkan, sekitar Disember tahun lepas, lelaki berkenaan yang sebelum ini bertugas sebagai pengurus GLC di Segamat, telah memberikan beberapa kerja kepada dua anaknya yang memiliki syarikat

Pengarah SPRM Johor Datuk Azmi Alias ketika dihubungi mengesahkan penahanan terbabit dan berkata kes disiasat di bawah **Seksyen 23 Akta SPRM 2009.**

CONTOH KES 2

CEO dan pegawai kanan GLC direman bantu siasatan seleweng dana RM2.2 juta

(September 9, 2021 14:29 MYT)

ALOR SETAR: Seorang Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) bersama tiga pegawai kanan sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) direman empat hari bermula hari ini, bagi membantu kes penyelewengan dana berjumlah RM2.2 juta.

Perintah permohonan reman dikeluarkan Penolong Pendaftar Mahkamah Alor Setar, Wan Nor Fadzilah Wan Ibrahim untuk membenarkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan keempat-empat suspek berusia antara 49 hingga 58 tahun itu.

Kesemua suspek ditahan bagi membantu siasatan mengikut **Seksyen 23** Akta SPRM 2009 kerana disyaki terbabit salah guna kuasa dan kedudukan bagi menyeleweng dana milik syarikat antara 2016 sehingga 2019 dengan menyalurkan sejumlah dana ke dalam dua syarikat berlainan.

Keempat-empat suspek ditahan ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Kedah antara jam 3.45 petang hingga 4.15 petang Rabu. Semua suspek mempunyai kepentingan dalam dua syarikat berkenaan.

CONTOH KES 3

Pegawai Perangkaan didakwa 43 pertuduhan terima rasuah

(Harian Metro, 16 Disember 2020)

SHAH ALAM: Seorang pegawai Jabatan Perangkaan Negeri Selangor didakwa di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas **43 pertuduhan** menerima suapan berjumlah RM32,751.20 berkaitan **projek pembekalan kontrak dan kelulusan tuntutan elaun perjalanan lima kakitangan jabatan berkenaan.**

Bagaimanapun, Noor Azlin Jaafar, 37, mengaku tidak bersalah selepas kesemua pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Mengikut pertuduhan pertama hingga kelima, wanita itu didakwa menerima suapan wang berjumlah RM18,731.20 dengan mengarahkan seorang kakitangan jabatan terbabit menyediakan sebut harga berkaitan projek pembekalan kontrak kepada tiga syarikat dan satu daripadanya milik saudara lelaki tertuduh.

Antara projek pembekalan kontrak itu adalah percetakan dokumen soal selidik, perkhidmatan reka bentuk dan mencetak borang perdagangan.

Bagi 38 pertuduhan lain, Noor Azlin didakwa **menerima suapan wang berjumlah RM14,020 bagi meluluskan tuntutan elaun perjalanan dalam negeri** yang tidak wujud membabitkan lima kakitangan jabatan berkenaan.

Dia didakwa melakukan kesemua kesalahan di pejabatnya di Jabatan Perangkaan Negeri Selangor, Shah Alam antara 21 Mac hingga 9 Disember tahun lalu mengikut Seksyen **23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang membawa hukuman maksimum penjara 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi.**

Oleh: ***Norle Mohamed Kamsan***

Rujukan: *BERNAMA*

AKTIVITI UNIT INTEGRITI KPYPJ TAHUN 2019 – 2022

Dengan tertubuhnya Unit Integriti KPYPJ bermula Jun 2019, dan dalam persediaan menghadapi penguatkuasaan Seksyen baharu iaitu Seksyen 17A, Akta SPRM 2009 (Pindaan 2018), peruntukan Liabiliti Korporat membabitkan organisasi komersial bermula 1 Jun 2020, pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun.

Aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

BIL	AKTIVITI	TARIKH	TUJUAN
1.	**Ikrar Integriti Korporat / Corporate Integrity Pledge (CIP)** anjuran YPJ	26 Mei 2015	Ikrar Korporat untuk tidak terlibat dalam rasuah dalam aktiviti perniagaan
2.	Program Pemantapan Integriti untuk Staf Kumpulan Pendidikan YPJ **Ceramah 1** Pemantapan Rohani: Budaya Kerja Yang Sihat Membentuk Integriti Pekerja Yang Positif **Penceramah:** En. Muhammad Fadzil Bin Abu Samah Pegawai Unit Integriti SUKJ **Ceramah 2** Membudayakan Integriti dalam Organisasi **Penceramah:** Tn. Muhammad Iqmal Bin Baharum Penguasa SPRM **Ceramah 3** Pelanggaran Tatatertib dan Tindakan **Penceramah:** En. Husaini bin Mohklas Ketua Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia	19 Nov 2019	• Untuk memupuk pembudayaan integriti dalam kalangan warga kerja Kumpulan Pendidikan YPJ dan kolej-kolej di bawahnya. • Untuk meningkatkan kesedaran dalam warga kerja KPYPJ agar setiap pekerjaan dilakukan dengan amanah dan bertanggungjawab. • Penginstitusian dan pelaksanaan Unit integriti dalam organisasi dapat dicapai.

BIL	AKTIVITI	TARIKH	TUJUAN
1.	**Kursus Pengukuhan Integriti untuk Staf Pengurusan** Kumpulan Pendidikan YPJ dan **Majlis Ikrar Bebas Rasuah** anjuran bersama KPYPJ dan SPRM Johor **Slot 1:** Merubah Budaya Organisasi dan Individu Melalui Pendekatan Psikologi **Penceramah:** Pegawai Psikologi, PDRM **Slot 2:** Pengurusan Integriti Dari Perspektif Jabatan Audit Negara **Penceramah:** Timbalan Pengarah Jabatan Audit Negara, Negeri Johor **Slot 3:** Rasuah, Penyelewengan dan Salah Guna Kuasa Serta Pengenalan Seksyen Baharu 17A Akta SPRM **Penceramah:** Tuan Koo Lik Chi Penolong Pesuruhjaya SPRM Johor **MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH** • Lafaz **Ikrar Bebas Rasuah (IBR)** dipimpini oleh Ketua Pegawai Eksekutif KPYPJ dan disaksikan oleh Timbalan Pengarah Pencegahan SPRM Johor • Sesi tandatangan **Ikrar Bebas Rasuah**	14 Jan 2020	• Meningkatkan tahap kesedaran tentang kepentingan integriti dalam perkhidmatan yang diberikan terutamanya dalam kalangan staf pengurusan sebagai pentadbir. • Memberi pendedahan berkaitan isu-isu integriti menurut perspektif Jabatan Audit Negara. • Memberi pendedahan berkaitan isu-isu rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam perkhidmatan awam. • Memberi pengenalan Akta SPRM 2009 (Pindaan 2018) – Seksyen 17A yang akan mula berkuatkuasa pada Jun 2020 – Liabiliti Korporat/ Kesalahan oleh Organisasi Komersial.
2.	Kapsul Integrit - Kempen Nilai-nilai (etika) murni	Berkala	Untuk menyemai nilai-nilai murni dan peringatan untuk mengelakkan daripada melakukan salahklaku dalam kalangan warga kerja KPYPJ.
3.	Semakan semula SOP setiap Bahagian / Jabatan / Kolej	Mengikut keperluan	Menambahbaik / memurnikan/ memantapkan SOP untuk disesuaikan dengan keadaan semasa.

4.	Penyertaan dua (2) pengurus dalam **Program Pegawai Integriti Bertauliah/ Certified Integrity Officer (CeIO)** Anjuran MACA, SPRM • KPYPJ • KYPJ	17 Ogos – 10 September 2020	Memenuhi keperluan mengikut ketetapan oleh BPIA SPRM di samping memantapkan Unit Integriti yang telah ditubuhkan.
5.	**Pembelian sistem untuk Pengurusan Aset menggunakan sistem E-mas** untuk digunapakai oleh Ibu Pejabat dan Anak Syarikat.	Jan – Mac 2020	Mewujudkan sistem yang lebih baik untuk pengurusan aset.
6.	**Menaiktaraf Sistem Perakaunan E-mas daripada stand-alone kepada *web-based* serta langganan *Cloud-Server.***	Jan – Mac 2020	Menambahbaik sistem perakaunan sedia ada.
7.	**Kaji selidik Pembudayaan Etika Korporat dan Kepimpinan dalam Organisasi (Forensic Accounting)**	Disember 2020	Untuk melihat tahap/budaya integriti warga kerja & kepimpinan dalam organisasi.
8.	Pembangunan **SOP untuk Pengurusan Aduan dan mewujudkan Polisi Pemberi Maklumat.** SOP dan Polisi diedarkan ke setiap bahagian / Kolej untuk pelaksanaan.	Oktober 2020	Menyediakan platform untuk pengurusan aduan.
9.	**Kursus Peruntukan Liabiliti Korporat Akta SPRM 2009 (Pindaan 2018) : Kesan Dan Strategi Pencegahan (Staf Pengurusan)** Oleh: Dr Azmi Hj. Mohd	6 Okt 2020	Pendedahan kepada staf pengurusan sebagai persediaan dengan berkuatkuasanya Seksyen Baharu Seksyen 17A ASPRM – Liabiliti Korporat
10.	Pembangunan / **Cadangan Polisi-polisi Baharu** iaitu: a. Kod Nilai dan Etika	Nov 2020	Untuk urus tadbir/governan yang baik untuk organisasi.

2021

BIL	AKTIVITI	TARIKH	TUJUAN
1.	Pembangunan / **Cadangan Polisi-polisi Baharu** iaitu: a. Polisi Hadiah b. Garis Panduan Pelaksanaan Integrity Pact dalam Perolehan KPYPJ	Jan 2021	Untuk urus tadbir/governan yang baik untuk organisasi.
2.	**Taklimat Seksyen 17A ASPRM dan peranan IGU kepada setiap peringkat / semua staf** di: • Ibu pejabat KPYPJ • KYPJ • KKJ • KPMS • AMG	Feb – Julai 2021	Memberi pendedahan kepada semua staf peranan IGU dan tanggungjawab semua staf dalam menjauhi rasuah dalam melaksanakan tugas seharian.
3.	**Program Bicara Integriti: "Budaya Kerja Berintegriti, Cemerlang Organisasi"** **Ceramah 1:** Hadiah dan Rasuah **Penceramah :** Pn. Nurhidayah Nordin Pegawai SPRM **Ceramah 2:** Integriti Cermin Peribadi **Penceramah:** Dr Mohd Nur Al Sufi bin Romele **Ceramah 3:** Isteri Di Rumah, Kekasih Di Pejabat: Mencalar Integriti **Penceramah:** Ustaz Syamsul Amri Bin Ismail (Syamsul Debat)	1 Dis 2021	• Untuk memupuk pembudayaan integriti dalam kalangan staf Kumpulan Pendidikan YPJ dan kolej-kolej di bawahnya. • Untuk meningkatkan kesedaran di kalangan staf KPYPJ agar setiap pekerjaan dilakukan dengan amanah dan bertanggungjawab. • Penginstitusian dan pelaksanaan Unit integriti dalam organisasi dapat dicapai.

BIL	AKTIVITI	TARIKH	TUJUAN
1.	**Pembangunan Pelan Anti Rasuah Organisasi** (OACP) KPYPJ	Jan 2022 – Jun 2023	Pelan Strategik Organisasi untuk mengawal / mengurangkan potensi risiko rasuah.
2.	**Kursus Penilaian Risiko Rasuah/Corruption Risk Assessment (CRA)** Oleh: Dr Azmi Hj Mohd	28 Mac 2022	Untuk mengenalpasti potensi risiko rasuah, punca dan akibat serta langkah kawalan sedia ada.
3.	**Kursus Sistem Pengurusan Antirasuah/Anti-Bribery Management System (ABMS)** Oleh: Dr Azmi Hj Mohd	7 - 8 Jun 2022	Memberi pemahaman tentang pelaksanaan ABMS dan mempraktiskan prinsip-prinsip ABMS dalam organisasi.
4.	**Cadangan Polisi Antirasuah KPYPJ**	Julai 2022	Dibuat bersama-sama Pelan Antirasuah (OACP).
5.	**Cadangan Borang Akujanji Kerahsiaan & Konflik Berkepentingan** (untuk dilaksanakan oleh PTDSM)	Nov 2022	Merupakan salah satu Inisiatif pelan tindakan bidang Sumber Manusia dalam OACP.

SANTAI INTEGRITI

Rujukan:
https://www.ukm.my/integriti/wp-content/uploads/2020/03/integriri-jan-1.pdf

KURSUS PENGUKUHAN INTEGRITI DAN MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH

14 Januari 2020 - Kursus Pengukuhan Integriti dan **Majlis Ikrar Bebas Rasuah** telah diadakan di Hotel M Suites Johor Bahru dengan penyertaan 45 orang staf Kumpulan Pendidikan YPJ.

Kursus ini diadakan bertujuan untuk mengukuhkan integriti staf pengurusan Kumpulan Pendidikan YPJ selain untuk memberi penerangan tentang Seksyen Baharu 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Akta SPRM) mengenai Liabiliti Korporat yang akan mula berkuatkuasa pada Jun 2020.

Penganjuran program ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan memupuk usaha pembudayaan integriti dalam tadbir urus perkhidmatan selain menggalakkan semangat bertanggungjawab dalam menegakkan prinsip integriti dan memerangi rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Usaha pembudayaan integriti perlu dipertingkatkan dalam pengurusan pentadbiran agar menjadi pemangkin kecemerlangan dalam organisasi.

Kursus sehari ini dibahagikan kepada 3 slot. Penceramah untuk slot pertama disampaikan oleh Pegawai Psikologi PDRM iaitu Puan Nor Rohida binti Abdul Rahim yang mengupas tajuk Merubah Budaya Organisasi dan Individu melalui Pendekatan psikologi.

Kursus ditutup dengan Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah Kumpulan Pendidikan YPJ dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Johor. **Ikrar Bebas Rasuah (IBR)** dilaungkan oleh staf pengurusan dipimpini oleh Ketua Pegawai Eksekutif KPYPJ dan disaksikan oleh Timbalan Pengarah Pencegahan SPRM Johor. Majlis diakhiri dengan sesi tandatangan **Ikrar Bebas Rasuah** dan simbolik penyerahan Ikrar Bebas Rasuah yang telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak.

Seterusnya diikuti dengan Slot kedua yang disampaikan oleh Tuan Mohd Shahril bin Yahya, Timbalan Pengarah Jabatan Audit Negara yang membincangkan tentang pengurusan integriti dari perspektif Jabatan Audit Negara.

Slot ketiga pula disampaikan oleh Penolong Pesuruhjaya SPRM Johor, Tuan Koo Li Chi memberi pendedahan berkaitan isu-isu rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam perkhidmatan awam serta pengenalan Seksyen Baharu 17A Akta SPRM.

PROGRAM BICARA INTEGRITI: BUDAYA KERJA BERINTEGRITI, CEMERLANG ORGANISASI

"Kerana Nila Setitik, Rosak Susu Sebelanga", begitulah perumpamaan sekiranya integriti pegawai tidak diutamakan akan menyebabkan imej, persepsi dan kepercayaan masyarakat terhadap sesebuah organisasi terjejas. Oleh itu dalam usaha mengukuhkan pembudayaan integriti dalam kalangan warga kerja KPYPJ, program kesedaran dijalankan secara berterusan untuk semua warga KPYPJ.

Justeru, Unit Integriti Kumpulan Pendidikan YPJ dengan kerjasama KPYPJ Management Services telah menganjurkan satu program integriti iaitu Program Bicara Integriti: Budaya Kerja Berintegriti, Cemerlang Organisasi. Ini merupakan satu program semarak integriti yang dirancang dalam usaha meningkatkan kesedaran staf KPYPJ tentang kepentingan pembudayaan Integriti dalam pekerjaan selain menggalakkan amalan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian. Program ini telah dijalankan pada 1 Disember 2021 di Hotel JO Johor Bahru melibatkan 100 orang staf dari ibu pejabat dan anak syarikat.

Pengisian untuk slot pertama bertajuk **"Hadiah dan Rasuah"** telah disampaikan oleh Puan Nurhidayah Binti Nordin selaku Penguasa Kanan dari Kompleks Pejabat SPRM Johor. Pelbagai konteks telah dibincangkan seperti fungsi atau peranan SPRM, mengenali elemen-elemen rasuah, bagaimana bentuk penerimaan & pemberian rasuah dan cara-cara melaporkan rasuah.

Slot kedua bertajuk **"Integriti Cermin Peribadi"** telah disampaikan oleh Y.Bhg Dr. Sufi Bin Romele (Pengarah / Speaker) dari Syarikat Champion Training & Consultancy Sdn Bhd. Untuk membentuk integriti dalam keperibadian beberapa panduan telah dikongsi bersama peserta dari segi amanah, dedikasi, menghargai masa, akauntabiliti, tawaduk, disiplin dan bersyukur.

Sebagai kemuncak, program disambung dengan pengisian terakhir bertajuk **"Isteri Di Rumah, Kekasih Di Pejabat: Mencalar Integriti"** yang disampaikan oleh Ustaz Syamsul Amri @ Syamsul Debat. Penceramah telah berkongsi ilmu berkaitan dengan konsep integriti dalam perspektif Islam, integriti dalam pekerjaan, cabaran dalam mencapai integriti dan sifat-sifat negatif yang perlu dijauhi dari sudut perspektif Islam.

Di akhir program, peserta diharapkan dapat memupuk semangat pembudayaan integriti, dapat meningkatkan kesedaran warga kerja KPYPJ agar setiap pekerjaan yang dilakukan dapat dibuat dengan penuh amanah serta berdedikasi dan penginstitusian Unit Integriti dalam organisasi dapat dicapai dengan lebih efisien.

Oleh: ***Firdaus bin Hj Zainal Abidin***

KURSUS PENILAIAN RISIKO RASUAH / CORRUPTION RISKS ASSESSMENT (CRA)

28 Mac 2022 – Dalam usaha untuk membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) KPYPJ yang dijangka akan dilancarkan pada pertengahan tahun 2023, Unit Integriti Kumpulan Pendidikan YPJ telah mengadakan satu kursus iaitu Kursus Penilaian Risiko Rasuah (CRA) yang telah diadakan di Hotel Seri Malaysia Johor Bahru. Seramai 45 orang staf pengurusan yang telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Kerja Pelan Antirasuah KPYPJ telah hadir menyertai kursus ini.

Ceramah disampaikan oleh Konsultan yang dilantik oleh KPYPJ iaitu Profesor Madya Adjung (Integriti dan Anti rasuah) Dr. Azmi Bin Hj. Mohd, Penolong Kanan Pesuruhjaya (B) SPRM dari Integrity Management & Consultant Solution (IMCS).

Intipati program adalah seperti berikut:

- Kepentingan Penilaian Risiko Rasuah Kepada Organisasi
- Mengenalpasti Potensi Risiko Rasuah Di Dalam Organisasi
- Menganalisis Penilaian Risiko Berkaitan Rasuah
- Membangunkan dan Mengurus Pelan Tindakan Risiko Rasuah
- Tugasan Kumpulan dan Pembentangan

Di akhir program ini, peserta dapat memahami kepentingan penilaian terhadap risiko rasuah, mengenalpasti risiko rasuah terhadap korporat, menilai risiko rasuah dan menganalisis risiko rasuah terhadap korporat .

Sekembalinya daripada program ini, peserta yang merupakan ahli Jawatankuasa Kerja Pelan Antirasuah KPYPJ telah mengaplikasi ilmu yang diperolehi dalam menjalankan Penilaian Risiko Rasuah dalam bidang-bidang keutamaan yang terdedah kepada potensi risiko rasuah yang menjadi teras kepada kepentingan dan operasi perniagaan.



Oleh: ***Firdaus bin Hj Zainal Abidin***

PROGRAM INTEGRITI 2022

BENGKEL SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH / ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS)

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) adalah merupakan satu dokumen dasar antirasuah di peringkat organisasi yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi. Ia selaras dengan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 di bawah inisiatif 2.1.5, yang mewajibkan sektor awam dan inisiatif 6.2.1, yang mewajibkan Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan, Syarikat Terhad Dengan Jaminan dan sektor swasta yang dikawal selia oleh badan kawal selia untuk membangunkan OACP. Ruang lingkup pelaksanaan OACP merangkumi aspek governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi serta melibatkan semua bidang dan aktiviti yang ada di dalam organisasi.

Sistem Pengurusan Anti Rasuah / Anti-Bribery Management System (ABMS) adalah satu standard yang diterbitkan oleh The International Organization for Standardization (ISO) pada tahun 2016 bagi mencegah, mengesan dan menangani kes rasuah di dalam sesebuah organisasi. Anti-Bribery Management System (ABMS) menggunakan pendekatan pencegahan awal (preventive measures) dengan mengenal pasti risiko-risiko rasuah di sesebuah organisasi berdasarkan fungsi-fungsi sesebuah jabatan, unit mahupun bahagian bagi menutup ruang dan peluang rasuah. Antara manfaat ABMS adalah risiko amalan rasuah dapat dikurangkan di peringkat dalaman dan luaran, memberikan impak positif terhadap prestasi organisasi termasuk penjimatan kos operasi, pengurusan aduan, perolehan dan tadbir urus serta meningkatkan keyakinan pelanggan, pelabur dan pihak berkepentingan.

Justeru, Unit Integriti Kumpulan Pendidikan YPJ telah menganjurkan Bengkel Sistem Pengurusan Anti Rasuah / Anti Bribery Management System (ABMS) yang telah diadakan di Hotel Trove Johor Bahru selama 2 hari pada 7 & 8 Jun 2022 melibatkan penyertaan melibatkan 45 orang kakitangan daripada kumpulan pengurusan KPYPJ.

Konsultan KPYPJ yang dilantik iaitu Profesor Madya Adjung (Integriti dan Anti rasuah) Dr. Azmi Bin Hj. Mohd, Penolong Kanan Pesuruhjaya (B) SPRM dari Integrity Management & Consultant Solution (IMCS) bertanggungjawab dalam menerajui program ini.

Pelbagai topik telah dikupas dan aktiviti LDK telah dijalankan sepanjang bengkel ini, antaranya ialah:

- Kepentingan Sistem Pengurusan Anti Rasuah/Anti Bribery Management System (ABMS) kepada Organisasi
- Jenis – jenis Kesalahan Rasuah (Corruption Offences)
- Mengkaji Dasar/Polisi Anti Rasuah Organisasi
- Membangunkan Dasar/Polisi dan Strategi Anti Rasuah
- Menguruskan Dasar/Polisi dan Strategi Anti Rasuah
- Tugasan Kumpulan dan Pembentangan

Di akhir program ini, peserta program dapat memahami pelaksanaan prinsip-prinsip dalam Sistem Pengurusan Anti Rasuah / Anti-Bribery Management System (ABMS) dan dapat membantu dalam membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP). Ianya juga dapat meningkatkan keupayaan dalam membangunkan dasar dan strategi pencegahan rasuah, meningkatkan keupayaan untuk mengurus risiko rasuah organisasi secara berkesan serta meningkatkan kesedaran staf KPYPJ tentang kepentingan pembudayaan Integriti dalam pekerjaan.

Oleh: ***Firdaus bin Hj Zainal Abidin***



CABARAN INTEGRITI DALAM KEPIMPINAN

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya)."

- Al-Anfal ayat 27

Wahai Dawud! Sesungguhnya engkau Kami jadikan khalifah (penguasa) di bumi, maka berilah keputusan (perkara) di antara manusia dengan adil dan janganlah engkau mengikuti hawa nafsu, kerana akan menyesatkan engkau dari jalan Allah. Sungguh, orang-orang yang sesat dari jalan Allah akan mendapat azab yang berat, karena mereka melupakan hari perhitungan."

-Sad ayat 26

Salah satu aspek dalam pengurusan organisasi yang utama adalah kepimpinan. Setiap orang mahukan nilai integriti dalam diri pemimpin mereka kerana ia menjadi contoh dan ikutan bagi kakitangan yang lain. Ini kerana tahap pengaruh integriti itu sangat tinggi dalam setiap kepimpinan organisasi. Pemimpin yang berintegriti adalah pemimpin yang mempunyai keselarasan dengan apa yang diperkatakan dengan apa yang dilakukan; keselarasan antara tindakannya dengan prinsip moral, etika dan undang-undang.

Peringatan Allah dalam surah Al Anfal dan Sad di atas menunjukkan kepada kita betapa Allah amat menitik beratkan isu kepimpinan yang berintegriti seperti ikhlas, adil serta tidak khianat dalam menjalankan tugas. Pemimpin yang tidak amanah pula sudah pasti akan mendapat azab dari Allah serta dikategorikan dalam golongan yang mengikuti hawa nafsu serta sesat.

Contoh paling ampuh dalam aspek kepimpinan melalui integriti dan teladan adalah Baginda Rasulullah SAW yang digelar al-Amin atas sifat amanah dan kejujuran baginda. Antara contoh popular kepimpinan berintegriti Rasulullah SAW adalah dalam penghakiman di mana Baginda bersumpah sekiranya anakanda Baginda iaitu Saidatina Fatimah RA mencuri, Baginda SAW akan memotong tangannya. Umum mengetahui bahawa Saidatina Fatimah RA merupakan anak kesayangan Rasulullah SAW. Namun inilah antara contoh dan model yang mesti diikuti oleh pemimpin dalam kelestarian ajaran Islam dan manifestasi iman dan taqwa kepada Allah SWT dalam aspek keadilan.

"Sesungguhnya orang-orang yang berlaku adil akan berada di atas tempat-tempat yang tinggi daripada cahaya di sisi Allah ialah: mereka yang berlaku adil dalam menetapkan keputusan, keluarga mereka, dan jawatan yang mereka pegang."

- Riwayat Muslim

Sifat-sifat negatif pemimpin seperti khianat, tidak amanah, memberi atau menerima rasuah, suka membuang masa, mencuri tulang dan seumpamanya pula akan memberi kesan dan menjejaskan kredibiliti sesebuah organisasi. Ini kerana apabila sesebuah organisasi terpalit dengan masalah integriti seperti ini, sudah tentu tidak mendapat kepercayaan dan hormat daripada kakitangan serta masyarakat. Sifat-sifat ini dicirikan Rasulullah SAW sebagai sifat golongan munafiq, di mana Rasulullah SAW bersabda:

Tanda-tanda orang munafik ada tiga, iaitu apabila dia berbicara dia dusta, apabila dia berjanji tidak ditepati dan apabila diberi amanah dia khianati.

- Riwayat Bukhari dan Muslim

Pemimpin yang khianat adalah mereka yang mengadakan mesyuarat rahsia selepas kata putus ditentukan dalam mesyuarat organisasi,"mencantas" serta memburuk-burukkan kakitangan yang dianggap saingannya dalam kenaikan pangkat, bersikap "chauvinist" seperti mengutamakan kakitangan lelaki berbanding kakitangan wanita dalam kenaikan pangkat, menjatuhkan hukuman secara halus seperti memberi tekanan dengan pekerjaan yang tidak mampu dilakukan oleh kakitangan, tidak mempedulikan hasrat dan pandangan kakitangan bawahan, merendah-rendahkan kakitangan tertentu kepada kakitangan lain, melantik seseorang ke jawatan tinggi menggunakan kuasa sewenang-wenangnya hingga menimbulkan rasa tidakpuas hati dalam kalangan kakitangan lain.

"Sesungguhnya kalian akan bersungguh-sungguh menginginkan jawatan, sedangkan jawatan itu akan menjadi sesalan pada hari Kiamat (jika tidak dijalankan dengan baik)."

- Riwayat Bukhari dan Muslim



Daripada Abu Dzar R.A;

"Saya berkata, 'Wahai Rasulullah, mengapa tuan tidak mengangkat saya sebagai penjawat?' Baginda menepuk bahu saya, kemudian bersabda, 'Wahai Abu Dzarr, sesungguhnya kamu adalah seorang yang lemah (dalam pengurusan), sedangkan sesungguhnya ia (jawatan) merupakan suatu amanah, dan sesungguhnya ia adalah kehinaan dan penyesalan pada hari Kiamat, kecuali bagi sesiapa yang memangkunya dengan benar dan menunaikan kewajipannya pada jawatan tersebut.

- Riwayat Muslim

Konsep kepemimpinan Rasul berdasarkan pada musyawarah-mufakat secara tidak langsung memberikan kritikan keras terhadap para pemimpin yang sekadar mengutamakan kepentingan peribadi tanpa mempertimbangkan kemaslahatan umat dan juga tanpa mempertimbangkan aspirasi dan fikiran masyarakat yang dipimpinnya. Oleh itu, amanah kepimpinan harus dilihat sebagai ibadah yang akan dinilai oleh Allah SWT, bukan sebagai ketua sesebuah organisasi semata-mata. Kepimpinan datang dengan pakej ibadah, amanah, kerendahan hati serta kepatuhan kepada Allah SWT dalam menjaga kepentingan dan kesejahteraan orang yang dipimpinnya.

Oleh: ***Dr. Nor Aishah Abdul Aziz***
Kolej Yayasan Pelajaran Johor

Gurindam Integriti

Barang siapa berintegriti,
hasil kerja sentiasa teliti.

Berintegriti dapat membina nusa,
kejayaan negara dipacu bangsa.

Jika integriti menjadi amalan,
hidup tentu tiada sesalan.

Jika integriti lambang kejujuran,
pasti tercapai semua sasaran.

Kalau integriti dijadikan pedoman,
masyarakat, negara sentiasa aman.

Jauhkan sifat buruk kelakuan,
jadikan integriti sebagai panduan.

Oleh: ***Pn. Norhaida Ahmad***
Johor Bahru (15 Februari 2023)

HIMPUNAN MUTIARA KATA

Jika HILANG...
..WANG, boleh dicari
..HARTA, boleh dibeli kembali
..INTEGRITI, maka hilanglah kehidupan yang bermakna

Manusia tidak dapat megubah rupa bentuk mukanya..
Tetapi jika dia mahu
Dia boleh mempercantikkan BUDINYA

HATI akan selalu KEDAMAIAN
Jika diisi dengan KEJUJURAN

Jangan MENILAI SESEORANG berdasarkan masa SILAM
Tetapi lihatlah pada HARI INI
Setiap orang mampu BERUBAH
Malah jauh LEBIH BAIK
daripada apa yang kita SANGKAKAN

Jadilah orang yang TETAP SEJUK
Di tempat yang PANAS
TETAP MANIS di tempat yang begitu PAHIT
TETAP MERASA KECIL
Meskipun telah menjadi BESAR
TETAP TENANG
Di tengah badai yang PALING HEBAT

TEGURAN itu PAHIT
Tetapi MENDIDIK jika diterima dengan BAIK
Pujian itu MANIS
Tetapi MEROSAKKAN jika diterima dengan SOMBONG

Seseorang yang LUAR BIASA itu
SEDERHANA dalam UCAPANNYA
Tetapi HEBAT dalam TINDAKANNYA

Disunting Oleh:
Norle Mohamed Kamsan

KARYA TERBAIK

DR. NOR AISHAH ABD. AZIZ

SALURKAN MAKLUMAT ADUAN ANDA

kepada

Unit Integriti

aduankpypj@gmail.com

PENGHARGAAN

Unit Integriti merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada penyumbang-penyumbang karya serta semua pihak yang telah bersama-sama menjayakan penerbitan buletin kali ini

Terima Kasih

UNIT INTEGRITI KPYPJ

Aras 2, Wisma YPJ Holdings, No.5, Jalan Sri Perkasa 1/3
Taman Tampoi Utama 81200 Johor Bahru, Johor

+607-2416 161 +607-2416 401

www.kpypj.edu.my